

# LAHIR



## TABUNG PEMBANGUNAN USAHANIAGA PELADANG (TPUP)

TPUP bertujuan untuk menyediakan sumber pembiayaan yang mudah secara pinjaman tanpa faedah kepada usahawan peladang untuk meningkatkan tahap pengeluaran, pemrosesan dan perkhidmatan dalam bidang pertanian. Selaras dengan matlamat kerajaan untuk melahirkan usahawan peladang yang mempunyai ciri-ciri keusahawanan, berpengetahuan dan berkemahiran menggunakan teknologi moden dalam mengeluarkan produk yang berkualiti dan kompetitif di pasaran. Program ini juga bertujuan memastikan usahawan peladang dapat meneruskan perniagaan mereka tanpa bergantung kepada bantuan penuh kerajaan.

# PELADANG



## OBJEKTIF TPUP

- Meningkatkan pendapatan bersih usahawan peladang melebihi RM4,000 sebulan
- Mewujudkan usahawan peladang yang mampu mengusahakan aktiviti pertanian dari pengeluaran, pemrosesan dan perkhidmatan secara berskala besar dan menghasilkan produk yang berkualiti.
- Memantapkan program mentor-mentee usahawan peladang IAT di peringkat Pertubuhan Peladang.
- Meningkatkan bilangan usahawan peladang yang menghasilkan produk memenuhi tahap piawai tempatan dan antarabangsa.
- Memantapkan usahawan peladang yang mempunyai jaringan perniagaan dengan Pertubuhan Peladang.

# PROGRESIF

## KELAYAKAN MENYERTAI TPUP

- Ahli Pertubuhan Peladang Kawasan (PKK)
- Mengisi borang permohonan TPUP dengan lengkap
- Mempunyai saham minima RM200
- Mampu menyediakan sebahagian daripada modal projek
- Sedang mengusahakan projek / projek baru
- Memenuhi skop projek yang disyaratkan
- Menghadiri temuduga yang ditetapkan
- Membenarkan lawatan ke tapak projek bagi tujuan penilaian

## KEUTAMAAN PROJEK

### - Industri Asas Tani (IAT)

Contoh: Penghasilan produk proses berasaskan makanan dan bukan makanan pertanian serta aktiviti sokongan IAT.

### - Pengeluaran Pertanian

Contoh: Tanaman (sayur-sayuran, buah-buahan), ternakan dan akuakultur

### - Perkhidmatan

Contoh: Agropelancongan, kejenteraan ladang dan pengangkutan

## PEMBIAYAAN PROGRAM

Kaedah pembiayaan adalah dalam bentuk pinjaman dengan jumlah maksima pembiayaan sebanyak RM50,000 dengan kos perkhidmatan sebanyak 3.0% daripada nilai pembiayaan. Pembiayaan adalah dalam bentuk mata benda.